

# IPTA pertama latih jurutera senggara pesawat terbang berijazah

LANGKAWI 29 Mac - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) hari ini menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan Dilog Training and Services Sdn. Bhd. (DTS) untuk menjadi institusi pengajian tinggi awam pertama di Malaysia yang melahirkan jurutera penyenggaraan pesawat terbang berijazah menjelang 2016.

Penolong Naib Canselor, Prof. Dr. Hashim Saim (**gambar**) berkata, melalui perjanjian itu, para pelajar yang sedang mengikuti program Sarjana Muda Kejuruteraan Teknologi Aeronautik (Pe-



nyenggaraan Pesawat Terbang) di kampus Parit Raja, Batu Pahat, Johor, bakal mengikuti kursus perlesenan penyenggaraan pesawat terbang yang dikendalikan oleh DTS, sebuah institusi latihan penyenggaraan pesawat terbang swasta yang diiktiraf sepenuhnya oleh Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCAM). "Melalui MoA ini, graduan yang dil-



hirkan bukan sahaja memiliki segulung ijazah, malah layak untuk memiliki lesen DCAM Part 66, B1.1-Turbine Engine, Aircraft Maintenance Engineer yang dikeluarkan oleh DCAM," katanya kepada pemberita selepas menandatangani perjanjian berkenaan di sini hari ini.

DTS diwakili oleh pengarah urusannya, Brig Gen (Bersara) Datuk Anim Harun dan disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) Datuk Abdul Rahim

Md. Noor.

Prof. Hashim berkata, dengan termenarnya perjanjian itu, graduan-graduan program berkenaan berpeluang untuk berkerjaya dalam lebih banyak bidang di dalam industri penerbangan, termasuk sebagai jurutera profesional.

Katanya, perjanjian berkenaan turut mengukuhkan lagi jalinan kerjasama antara UTHM dan DTS yang dijalin sebelum ini pada 2008.

Kerjasama itu akan menambah baik kurikulum dan sukanan pelajaran Sarjana Muda Kejuruteraan Teknologi Aeronautik (Penyenggaraan Pesawat Terbang) agar relevan dan mematuhi piawaian dan peraturan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), KPT dan DCAM. - BERNAMA